



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN MENGERATKAN LAGI SILATURAHIM SESAMA RAKYAT DI LEMBAH PANTAI

**KUALA LUMPUR, 24 Februari 2018** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan bersama-sama 3,000 komuniti di Parlimen Lembah Pantai menjayakan Kenduri 1Wilayah Persekutuan di Pantai Eko Park, Pantai Dalam. Pemilihan lokasi Kenduri 1WP adalah sangat strategik kerana ianya merupakan taman rekreasi yang menjadi ikon pencapaian negara dalam teknologi hijau setanding negara maju di Loji Rawatan Kumbahan Pantai 2. Program ini diadakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2018 yang merupakan *signature* program SHWP pada setiap tahun.

Program yang diadakan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2018 ini merupakan program yang paling mendapat kerjasama dan penglibatan yang tinggi daripada masyarakat setempat. SHWP 2018 masih mengekalkan tema “Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera” kerana dilihat dapat memberi impak yang positif kepada semua warga Wilayah Persekutuan terutamanya dari aspek meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat serta menambahkan semangat kebersamaan dan keharmonian dalam kalangan warganya.

Pelbagai inisiatif bagi mensejahterakan rakyat sentiasa dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan keselesaan kehidupan warga Wilayah Persekutuan. Bagi membantu mengurangkan masalah tempat meletak kenderaan di PPR Seri Pantai, penyediaan parkir 9 tingkat dijangka akan siap pada November 2018 dengan kapasiti sebanyak 372 kenderaan dalam satu masa. Ianya terletak di hadapan flat Seri Pantai. Kita harap dengan adanya parkir bertingkat ini dapat memberikan kemudahan kepada penduduk yang selama ini terpaksa berdepan dengan masalah kekurangan tempat meletak kenderaan.

Kementerian juga kini dalam peringkat memuktamadkan cadangan bagi membangunkan semula gerai-gerai sediada di Taman Bukit Angkasa dengan membina bangunan setinggi 20 tingkat yang lengkap dengan pelbagai kemudahan antaranya seperti medan selera, tempat letak kereta, kedai-kedai, dewan serbaguna, pejabat dan sebagainya.

Program Bantuan Bas Sekolah Percuma DBKL, Klinik 1Malaysia, Pusat Internet 1Malaysia, Perpustakaan 1 Wilayah Persekutuan Lembah Pantai, tempat letak kereta bertingkat Seri Pantai dan pembangunan semula Residensi Kerinch merupakan antara inisiatif yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi memastikan keselesaan dan kesejahteraan penduduk di Lembah Pantai.

Turut diadakan adalah majlis menandatangani perjanjian pengurusan fasiliti Pantai Eco Park antara Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Kawasan riadah baru Pantai Eco Park ini adalah taman rekreasi yang telah dibuka kepada orang ramai pada 14 Oktober 2017 dengan pelbagai kemudahan seperti dewan komuniti, trek jogging, padang bola sepak, gelanggang futsal dan badminton.

Diharapkan melalui program yang bermanfaat ini, warga Wilayah Persekutuan khususnya di Parlimen Lembah Pantai dapat meningkatkan semangat kebersamaan antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat yang sejahtera dan ceria. Selain itu program ini dapat memastikan keharmonian serta perpaduan warga Wilayah Persekutuan terus dikekalkan.

**Disediakan oleh**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**